

12 NOV 1997

APEC: PARA PEMIMPIN DIJANGKA BINCANG ISU-ISU MATAWANG, JEREBU

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Para pemimpin dari 18 ekonomi di dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) berkemungkinan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan krisis matawang Asia dan pencemaran asap pada sidang kemuncak tahunan Apec di Vancouver, Kanada, mulai 19 hingga 25 Nov.

"Terdapat tanda-tanda yang kuat bahawa isu-isu ini akan dibincangkan," kata Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia, Andre S Simard, pada satu taklimat akhbar mengenai forum Vancouver itu.

Simard berkata beberapa orang pemimpin telah membayangkan hasrat mereka untuk menimbulkan isu-isu itu, terutamanya yang berkaitan dengan pergolakan matawang di Asia Tenggara turut menyentuh ekonomi-ekonomi Apec yang lain juga.

Apec mengandungi Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

Kesemua 18 pemimpin itu, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah mengesahkan kehadiran mereka di Vancouver. Sebelum sidang kemuncak itu, pegawai-pegawai kanan akan bermesyuarat pada 19 dan 20 Nov, kemudian diikuti oleh menteri-menteri perdagangan dan luar negeri selama dua hari berikutnya.

Forum sebenar para pemimpin itu bermula pada 24 Nov, apabila mereka akan duduk dengan anggota-anggota Majlis P{ensiohat Perniagaan Apec (ABAC). Wakil-wakil Malaysia di dalam majlis itu ialah pengerusi eksekutif Malaysia Airlines Tan Sri Tajudin Ramli, ketua pegawai eksekutif Sime Darby Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob dan pengerusi eksekutif YTL Corporation Tan Sri Francis Yeoh.

Esoknya, istirehat pemimpin-pemimpin itu ialah di Muzium Antropologi di Universiti British Columbia, juga di Vancouver. Di sinilah perbincangan itu mungkin tertumpu kepada krisis matawang dan jerebu.

Simard menggariskan tiga matlamat forum Vancouver. Ia berkaitan dengan liberalisasi perdagangan, menilai keupayaan anggota-anggota berkembang dan membangunkan infrastruktur mereka, dan penyertaan ekonomi-ekonomi kebangsaan dengan masyarakat perniagaan, masyarakat madani dan pergerakan kerajaan dan bukan kerajaan lain termasuk pertubuhan-pertubuhan belia dan wanita.

Beliau berkata terdapat harapan bahawa para pemimpin itu akan mengesahkan rangka kerja Asia-Pasifik mengenai pembangunan infrastruktur utama forum itu.

Mengenai liberalisasi perdagangan, Simard berkata perbincangan berkemungkinan tertumpu kepada laporan-laporan mengenai Pelan Tindakan Perindustrian dan kepada liberalisasi sektoral sukarela awal (EVSL) yang dicadangkan pada forum tahun lalu di Filipina.

Agenda itu juga meliputi perbincangan mengenai 40 cadangan bagi liberalisasi perdagangan dan kemudahan-kemudahan yang telah dibentangkan oleh para anggota Apec. -- BERNAMA

MFJ LSH OS